RINGKASAN 3

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **cara-cara menanam rasa cinta akan alam sekitar dalam kalangan masyarakat**. *Panjang ringkasan anda hendaklah* **antara 80 hingga 100 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Pembangunan yang terlalu pantas boleh menyebabkan generasi kini dan akan datang kehilangan alam semula jadi yang boleh dinikmati. Langkah-langkah mengatasinya perlu diambil untuk mendidik masyarakat supaya menyayangi alam semula jadi agar terus terpelihara dan selamat.

Media memainkan peranan yang penting untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Hal ini dikatakan demikian kerana media massa seperti televisyen ditonton oleh jutaan penonton seluruh negara manakala media cetak dibaca oleh jutaan rakyat yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat. Tanggapan sesetengah pihak yang menganggap pemuliharaan persekitaran dan warisan alam merupakan tanggungjawab kerajaan perlu diperbetulkan. Sebagai individu yang bertanggungjawab, setiap orang perlu memainkan peranan masing-masing kerana menjaga kebersihan alam sekitar merupakan tanggungjawab bersama.

Amalan kitar semula yang dimulai dengan kertas, plastik dan aluminium hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Selain selamat, bahan kitar semula juga bersifat mesra alam dan dapat menjaga persekitaran yang selesa. Selain itu, langkah menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam sudah tentu akan dapat mengurangkan masalah pencemaran udara dan kesesakan lalu lintas. Hukuman yang setimpal juga harus dikenakan kepada segelintir pihak yang suka mengambil jalan mudah menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan sampah, sisa toksik dan bahan buangan kilang.

Kegiatan kokurikulum melalui Kelab Pencinta Alam di sekolah melaksanakan pelbagai kegiatan yang boleh menanam dan membudayakan rasa cinta terhadap alam sekitar dalam kalangan murid. Peranan syarikat-syarikat swasta juga penting supaya orang ramai lebih menyedari isu-isu alam sekitar yang *semakin meruncing*. Tidak ada yang lebih indah daripada menikmati keindahan alam dengan iringan alunan unggas pelbagai irama. Tanpa langkah yang berkesan, tidak mustahil jika suatu hari kelak semua keistimewaan dan keunikan khazanah hutan ini hanya tinggal kenangan sahaja.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Halaman 142, Buku Teks Tingkatan 3,
KSSM, Dewan Bahasa dan Pustaka)

JAWABAN